



SIARAN MEDIA *PRESS RELEASE*

MAJLIS PENYAMPAIAN DIPLOMA DAN ANUGERAH FELO INTAN 2014

Kuala Lumpur, 26 Ogos 2014 – Seramai 849 graduan Diploma Pengurusan Awam (DPA) dan Diploma Sains Pengurusan (DSP) anjuran Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), Jabatan Perkhidmatan Awam telah menamatkan pengajian dan menerima Diploma masing-masing pada Majlis Penyampaian Diploma dan Anugerah Felo INTAN yang berlangsung pada hari ini. Majlis telah disempurnakan oleh YBhg. Tan Sri Dr. Ali Hamsa, Ketua Setiausaha Negara, di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

Turut disampaikan dalam Majlis ini ialah Anugerah Felo INTAN yang diperkenalkan semenjak tahun 1981 bagi mengiktiraf tokoh terulung dalam Perkhidmatan Awam. Tahun ini menyaksikan Yang Berbahagia Tan Sri Jamaluddin bin Haji Ahmad Damanhuri telah dianugerahkan sebagai Felo INTAN yang ke-26.

Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) adalah pusat kecemerlangan pembangunan modal insan Perkhidmatan Awam yang memainkan peranan begitu signifikan dalam konteks mendaya upaya bakat dan pembangunan modal insan melalui latihan. Selari dengan itu, Diploma Pengurusan Awam (DPA) INTAN adalah satu kursus mandatori yang dilaksanakan khusus bagi melahirkan Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) yang memiliki komitmen, pengetahuan, kemahiran dan kompetensi yang tinggi. Kursus DPA ini adalah antara syarat bagi tujuan pengesahan dalam perkhidmatan yang dimulakan sejak tahun 1976. Dalam melaksanakan kursus DPA, INTAN mengaplikasikan kaedah pendekatan latihan secara menyeluruh dengan memberi penekanan terhadap aspek pembentukan sikap (*attitude*) serta

kepentingan ilmu pengetahuan (*knowledge*), kemahiran (*skills*), kebolehsesuaian (*adaptability*) dan daya tahan (*resilient*). Latihan dan pembelajaran yang disediakan adalah komprehensif, mencabar kebolehan dan benar-benar menguji daya saing dan limitasi pegawai. Latihan secara intensif yang dijalankan selama 28 minggu ini juga memerlukan komitmen dan pengorbanan tinggi daripada PTD muda yang terlibat.

Manakala, Kursus Kadet PTD yang baru diperkenalkan semula pada tahun lepas juga memerlukan para peserta untuk menjalani kursus selama setahun. Kursus ini merangkumi dua komponen utama iaitu Diploma Pengurusan Awam (DPA) yang dikendalikan oleh Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) selama 7 bulan dan Diploma Pascasiswazah Pentadbiran Awam (DPPA) yang dikendalikan oleh Universiti Malaya (UM) selama 5 bulan. Peserta perlu mengikuti dan lulus dengan jayanya kedua-dua komponen ini sebelum dilantik ke dalam perkhidmatan awam sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik. Seramai 721 graduan bagi Kursus Diploma Pengurusan Awam dan 97 graduan Kursus Kadet PTD telah dianugerahkan Diploma pada hari ini.

Dalam majlis yang sama, graduan Diploma Sains Pengurusan turut diraikan. Diploma Sains Pengurusan merupakan kursus bertaraf lepasan ijazah dan peserta yang ingin mengikuti kursus ini perlu memiliki ijazah pertama atau kelayakan yang setaraf dengannya. Pada tahun ini, seramai 31 orang peserta telah layak dianugerahkan Diploma Lulusan Ijazah Sains Pengurusan (*Postgraduate Diploma in Management Science*) INTAN yang telah bermula pada 5 Disember 2012 sehingga 30 Ogos 2013 yang lalu.

Turut disampaikan pada majlis tersebut, dua (2) Anugerah Khas untuk Kursus Diploma Sains Pengurusan dan lima (5) Anugerah Khas untuk Kursus Diploma Pengurusan Awam iaitu :

Kursus Diploma Sains Pengurusan (DSP)

- Anugerah Peserta Cemerlang Keseluruhan
- Anugerah Peserta Cemerlang Penyelidikan Operasi

Kursus Diploma Pengurusan Awam (DPA)

- Anugerah Khas Perdana Menteri (Keseluruhan Terbaik)
- Anugerah Khas Ketua Setiausaha Negara (Kepimpinan Terbaik)
- Anugerah Khas Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Akademik Terbaik)
- Anugerah Khas Pengarah INTAN (Pembinaan Sahsiah Terbaik)
- Anugerah Kajian Lapangan Terbaik

Kualiti perkhidmatan awam pada masa hadapan bergantung kepada pelapis dan generasi baharu perkhidmatan awam yang dibentuk pada hari ini. Untuk itu, INTAN bertanggungjawab membangunkan warga perkhidmatan awam yang berilmu dan berakhlak terpuji. Justeru, Majlis Penyampaian Diploma dan Anugerah Felo INTAN merupakan testimoni lambang kesungguhan INTAN sebagai gapura yang menjunjung dan menjulang ilmu sebagai pemacu utama mencapai kecemerlangan negara dan seterusnya meletakkan Malaysia di persada keterbilangan.

Majlis Penyampaian Diploma dan Anugerah Felo INTAN 2014 ini turut dihadiri oleh YBhg. Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam dan YBhg. Dato' Dr. Mazlan Yusoff, Pengarah Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN).

- ### -

Unit Korporat dan Antarabangsa
Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
Tel: 03 2084 7205
Emel: melinda@intanbk.intan.my

26 Ogos 2014